

Tapak asal rumah sudah jadi laut

KUALA TERENGGANU

– Penduduk Kampung Pantai, Kuala Ibai yang suatu masa dahulu digemparkan dengan kejadian banjir air laut dan ancaman ombak besar pada 2008, sehingga ada di antara rumah setinggian hanyut dibawa ombak besar ke tengah laut, kini lebih selesa di rumah baharu yang didiami sejak 2010.

Kejadian yang menimpa lebih 40 buah rumah melibatkan 150 keluarga itu, masih lagi terbayang oleh penduduk yang ketika itu tinggal di pesisiran pantai, Kuala Ibai, di sini.

Kawasan tragedi penempatan berkenaan juga sudah tidak ada lagi ekoran berlaku hakisan pantai saban tahun, sehingga menenggelamkan hampir satu kilometer keluasan tanah kampung yang berada di pesisir pantai ke dalam laut.

Bagaimanapun, kerajaan telah mengambil langkah membuat tambakan batu bagi mengelak kejadian berulang

pada 2013.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Pantai, Kuala Ibai, Harun Mat Amin berkata, air pasang besar sentiasa berlaku setiap tahun di kawasan itu tetapi kejadian pada 2008 agak luar biasa kerana disertai ombak besar sehingga menghanyutkan kebanyakan rumah penduduk.

“Alhamdulillah, kerajaan dah bantu kurangkan kesan air pasang besar di kawasan ini, tetapi tambakan batu ini bersifat sementara kerana dalam jangka masa yang panjang, ia akan runtuh secara perlahan-lahan akibat dipukul ombak.

“Sehingga hari ini pun, kita dapat lihat sudah ada beberapa bongkah batu yang ditambak tertanam di dalam pasir dan ia menunjukkan langkah yang diambil masih perlu dikaji semula,” katanya kepada Sinar Harian ketika meninjau penempatan tragedi 2008.

Harun berkata, tambakan berkenaan agak membantu dalam jangka masa pendek kerana sekiranya air pasang besar berlaku, rumah penduduk tidak terlibat dengan banjir air laut seperti sebelumnya.

Menurutnya lagi, tambakan batu sejauh hampir 800 meter itu adalah kerja-kerja untuk fasa 1 dan akan menyusul kepada fasa kedua selepas ini.

Sementara itu, Puteh Awang, 56, berkata, dia berasa lega kerana tidak lagi perlu tinggal di pesisir pantai dalam keadaan rumah dengan tiang seinget dan ruang sempit akibat kejadian hampir lapan tahun lalu kerana telah berpindah ke Lot Perpindahan Fasa 3 Tok Adis sejak tahun 2010.

Katanya, sebelum berpindah ke lot berkenaan, dia sekeluarga terpaksa mendiami rumah yang dipukul ombak walaupun uzur kerana tidak mempunyai kewangan mencukupi untuk menyewa.



HARUN

“Kejadian ombak besar tu menyebabkan ruang dapur rumah musnah dan hanya tinggal ‘ibu rumah’ sahaja tetapi kami tetap tinggal di situ selama hampir dua tahun.

“Ketika itu memang tidak senang duduk, tidur pun tak lena sebab takut kejadian sama

berulang. Tetapi menurut cerita orang terdahulu, kejadian seumpama itu akan berlaku samada empat atau enam tahun sekali,” ceritanya.

Seorang lagi mangsa tragedi banjir laut dan ombak besar, Fatimah Ismail, 60, berkata, kejadian menyedihkan itu menyebabkan keseluruhan rumah kayu yang didiami tujuh beranak dihanyutkan ke tengah laut.

“Selepas kejadian itu, saya sekeluarga menyewa selama tiga tahun sebelum tinggal di rumah Lot Perpindahan Fasa 3 Tok Adis dengan kadar sewa sebanyak RM118 sebulan.

“Tapak asal

rumah saya dulu pun dah tak ada kerana sudah menjadi laut. Saya pernah juga sekali-sekala pergi melihat kawasan rumah lama kerana di situlah tempat saya membesar tapi sedih jugalah sebab sudah tidak ada,” katanya.

Fatimah berharap, tambakan batu yang dibina kerajaan negeri itu dapat mengurangkan kesan hakisan dalam jangka panjang supaya penduduk yang masih tinggal di kawasan berkenaan berada dalam keadaan selesamat.

